**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**
**TARIKH: 9 JUN 2016 (KHAMIS)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1. | CyberSecurity bantu kes pedofilia | Harian Metro |
| 2. | Tiada laporan polis kes pedofilia | Berita Harian |
| 3. | MOSTI kerah pakar forensik siber bantu siasat kes pedofil, Richard Huckle | Astro Awani |
| 4. | Ministry ready to help in paedophile probe | Malay Mail |
| 5. | 'CyberSecurity lab can offer its expertise' | New Straits Times |
| 6. | Police: It's a crime to publicly identify Huckle's victims | The Star |
| 7. | MOSTI pledges to aid local authorities' investigation into Huckle | The Sun |
| 8. | 30 peratus tayar celup dalam pasaran tak berkualiti | Berita Harian |
| 9. | Pengeluar ada maklumat kilang haram diminta lapor | Berita Harian |

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 17
TARIKH: 09 JUN 2016 (KHAMIS)

# CyberSecurity bantu kes pedofilia

**Putrajaya:** CyberSecurity Malaysia (CyberSecurity) akan menyediakan kepakaran teknikal berkaitan keselamatan siber terutama dalam bidang forensik bagi membantu siasatan kes pedofilia yang membabitkan warga British Richard Huckle, serta kes seumpamanya pada masa depan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau berkata, CyberSecurity adalah agensi pakar keselamatan siber negara yang mempunyai kepakaran dalam bidang forensik digital.

Katanya, kemudahan makmal digitalnya dilengkapi peralatan dan perisian forensik digital terkini serta diiktiraf di bawah Bukti Multimedia dan Digital (Digital & Multimedia Evidence) berdasarkan standard ISO/IEC 17025:2005.

Malah, katanya ia turut mendapat pengiktirafan dari American Society of Crime Laboratory Directors/Laboratory Accreditation Board (ASCLD/LAB).

"Kami memandang serius kes ini dan kementerian melalui CyberSecurity bersedia membantu pihak berkuasa tempatan dan luar negara untuk menjalankan siasatan kes ini," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Menurutnya, orang ramai boleh menyalurkan sebarang laporan mengenai insiden dan ancaman keselamatan siber ke CyberSecurity melalui Pusat Bantuan Cyber 999 menerusi e-mel cyber999 @ cybersecurity.my atau 1300-88-2999.

**KERATAN AKHBAR**
**BERITA HARIAN (JENAYAH) : MUKA SURAT 26**
**TARIKH : 9 JUN 2016 (KHAMIS)**

# Tiada laporan polis kes pedofilia

**Malu dipercayai punca keluarga mangsa tak buat aduan**

Oleh Magendran Rajagopal dan Safeek Affendy Razali
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur**

Ibu bapa atau penjaga kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa pedofilia warga Britain, Richard Huckle, dipercayai enggan membuat laporan polis kerana malu dengan kejadian berkenaan.

Sehingga lewat petang semalam, polis tiada menerima laporan daripada mangsa atau ahli keluarga mereka berhubung serangan seksual dilakukan Huckle sepanjang berada di negara ini sejak 2006 hingga 2014.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman, Datuk Seri Mohmad Salleh, berkata pihaknya menyediakan proses kaunseling khusus untuk kanak-kanak terbabit jika tampil membuat laporan.

"Mungkin mereka enggan tampil membuat laporan kerana malu dengan apa yang berlaku ke atas ahli keluarga mereka.

"Polis Diraja Malaysia (PDRM) berharap semua pihak menghormati hak dan privasi mangsa serta keluarga terbabit," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Orang ramai yang mempunyai maklumat atau ingin membuat laporan polis boleh menghubungi Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman di talian 03-22666297.

**Penjara seumur hidup**

Kelmarin, Huckle, 30, dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup dengan tempoh minimum 25 tahun di United Kingdom atas kesalahan melakukan serangan seksual terhadap kanak-kanak di negara ini.

Di **Putrajaya**, pakar keselamatan siber negara, Cybersecurity Malaysia (Cybersecurity) sedia membantu pihak berkuasa negara dan asing dalam siasatan kes pedofilia membabitkan Huckle.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau, berkata Cybersecurity memiliki kepakaran dalam bidang forensik digital, lengkap dengan kemudahan makmal terkini.

"Keupayaan Cybersecurity diiktiraf sebagai 'Bukti Digital dan Multimedia' berdasarkan piawaian ISO/IEC 17025:2005 dan pengiktirafan American Society of Crime Lab Directors/Lab Accreditation Board (ASCLD/LAB).

"Juruanalisis Forensik Digital di Cybersecurity turut diwartakan dalam Kanun Tatacara Jenayah Malaysia 399 (CPC 399) sebagai golongan pakar dan keterangan mereka diterima pakai dalam perbicaraan di semua mahkamah di Malaysia," katanya dalam satu kenyataan, semalam.



"PDRM harap semua pihak menghormati hak dan privasi mangsa serta keluarga terbabit"

***Mohmad Salleh,***
*Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman*

**AKHBAR ONLINE**
**ASTRO AWANI (http://www.astroawani.com)**
**TARIKH : 9 JUN 2016 (KHAMIS)**

astro AWANI

# MOSTI kerah pakar forensik siber bantu siasat kes pedofil, Richard Huckle



MADIUS: Malaysia bersedia untuk membantu pihak berkuasa tempatan dan luar negara dalam melaksanakan penyiasatan.

KUALA LUMPUR: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengerah pakar forensik siber dari CyberSecurity Malaysia untuk membantu siasatan kes serangan seksual ke atas kanak-kanak susulan kes pedofilia warga Britain, Richard Huckle.

Menurut Menterinya, Datuk Seri Madius Tangau, CyberSecurity Malaysia bersedia untuk membantu pihak berkuasa tempatan dan luar negara dalam melaksanakan penyiasatan berhubung kes berkenaan.

"Kami memandang serius kes tersebut dan akan menyediakan kepakaran teknikal berkaitan keselamatan siber terutama dalam bidang forensik siber yang disediakan oleh CyberSecurity Malaysia bagi membantu pihak berkuasa menjalankan siasatan berhubung kes ini serta kes-kes yang seumpamanya di masa hadapan," katanya dalam kenyataan media hari ini.

Tambah Madius, CyberSecurity Malaysia mempunyai kepakaran dalam bidang forensik digital, di mana kemudahan makmal forensik digital dilengkapi dengan peralatan dan perisian terkini.

"Laporan dan testimonial dari Juruanalisa Forensik Digital CyberSecurity Malaysia diterima pakai di dalam perbicaraan di semua Mahkamah Undang-undang di Malaysia," ujarnya.

Pada masa yang sama, MOSTI terus memperhebat usaha untuk memperkasakan pemahaman orang ramai mengenai kepentingan keselamatan siber serta penggunaan internet dan komputer secara positif serta beretika.

"Ini termasuklah memperhebatkan lagi program-program keselamatan siber yang sedia ada iaitu Program CyberSAFE in Schools terutama dalam kalangan murid-murid sekolah di seluruh negara," katanya Madius.

Isnin lalu, pesalah pedofilia, Richard Huckle dijatuhi hukuman penjara seumur hidup selepas didapati bersalah terhadap 71 pertuduhan berkaitan penderaan seksual terhadap kanak-kanak di Malaysia.

Huckle, 30, mengaku mendera kesemua mangsa yang berusia antara enam bulan hingga 12 tahun serta memuatnaik rakaman video dan gambar ke laman sesawang tertentu

KERATAN AKHBAR
MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 8
TARIKH : 9 JUN 2016 (KHAMIS)

# Ministry ready to help in paedophile probe

PETALING JAYA — The Science, Technology and Innovation Ministry is ready to assist authorities in the investigations involving British paedophile Richard Huckle *(pic)*.

The ministry said the efforts would be channelled through its agency, Cyber Security Malaysia, and they were ready to offer their technical expertise in the areas of cyber security and cyber forensics.

Its minister Datuk Seri Madius Tangau said his ministry took Huckle's case very seriously.

He said Cyber Security Malaysia was well equipped with technical knowledge in digital forensics, having been certified with the ISO/IEC 17025:2005 classification under Digital & Multimedia Evidence and recognition from the American Society of Crime Lab Directors/Lab Accreditation Board (ASCLD/LAB).

"Analysts within the agency have been gazetted into the Criminal Procedure Code 399, which qualifies their reports and testimonials to be accepted as formal statements in any Malaysian court proceedings," Madius said.

He said efforts to educate locals on the importance of cyber security were already underway, while also promoting positive and ethical Internet use.

Deputy Women, Family and Community Development Minister Datin Chew Mei Fun said the mental state of Huckle's victims would have to be determined before counselling sessions were given.



"Each child will be different and our officials would assess their mental state before determining what type of counselling would be suitable for them," she said.

She said the ministry would be working with the Welfare Department in providing protection to these children.

Universiti Malaya consultant psychiatrist Assoc Prof Dr Subash Kumar Pillai said the type of counselling would be determined by the victims' age groups.

He said therapists would have to improvise their sessions if any of these children were found to be critically depressed, adding that the fear of public humiliation often prevented people from seeking professional help.

"People who need help would usually think twice before they agree to seek psychiatric help as they think it is easier to silently treat themselves than to be publicly humiliated," Dr Subash said.

He said children who had been sexually abused and declined help risked being afflicted with other types of problems.

"The consequences that patients encounter would depend on their personality. However, other types of problems will arise if their emotions and mental health are not well-managed," Dr Subash said.

Police said they had yet to receive any report from those believed to be Huckle's victims or their family members.

On another matter, Bukit Aman Criminal Investigations Department director Datuk Seri Mohmad Salleh issued a warning to those who revealed the identities of the victims.

"According the the Child Act 2001, revealing the identity of (such) victims who are minors is punishable with up to a five-year jail term, a fine not exceeding RM10,000, or both," he said.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 9 JUN 2016 (KHAMIS)

# 'CyberSecurity lab can offer its expertise'

**PUTRAJAYA:** The Science, Technology and Innovation Ministry has the know-how to help the authorities handle the case of British paedophile Richard Huckle.

Its minister, Datuk Seri Madius Tangau, said the ministry, via its agency CyberSecurity Malaysia, was ready to help local and foreign investigators.

"CyberSecurity Malaysia can provide technical expertise on cybersecurity, especially in cyber-forensics, on Huckle's case and other such cases in the future," he said yesterday.

Madius said the agency was equipped with a digital forensics laboratory , which was the first in the Asia Pacific region to be accredited by the American Society of Crime Lab Directors/Lab Accreditation Board (ASCLD/LAB) for "Digital and Multimedia Evidence".



*Datuk Seri Madius Tangau*

This accreditation is based on ISO/IEC 17025:2005 and the ASCLD/LAB-International 2011 supplemental requirement specifically for a digital forensics laboratory.

Madius said digital forensic experts at CyberSecurity Malaysia had been gazetted under the Criminal Procedure Code 399 as experts whose reports and testimonials were acceptable in all Malaysian courts.

Huckle, a freelance photographer, was reported to have boasted on the "dark web" that those from poor communities were easier prey than well-to-do Westerners.

He had filmed and photographed the rape and abuse of children, and shared them online with paedophiles worldwide.

A court in London had handed 22 life sentences to Huckle after he pleaded guilty to child abuse offences in Southeast Asia.

British media reported that Huckle might have abused up to 200 children, aged between 6 months and 12 years, from 2006 to 2014.

Madius said the ministry would ramp up efforts to raise public awareness on the importance of cybersecurity, including proper usage of the Internet.

"This includes cranking up existing cyber security programmes under the CyberSAFE in Schools project dedicated to school children nationwide.

"Children must be educated and exposed to the ethical usage of the Internet technology so that they do not easily become victims of cybercrimes and threats."

He urged parents to keep a close watch on their children's online activities, adding that parents could get a better insight into what could be done under the CyberParenting programme.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 03
TARIKH: 09 JUN 2016 (KHAMIS)

# Police: It's a crime to publicly identify Huckle's victims

By AUSTIN CAMOENS
and NICHOLAS CHENG
newsdesk@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** Bukit Aman has warned that anyone intending to release the identities of the victims of convicted paedophile Richard Huckle will be liable to jail time and a fine.

Federal CID director Comm Datuk Seri Mohmad Salleh said the police hoped all parties would respect the privacy of the victims and their families.

"Allow them to go through the rehabilitation process without any interference," he said in a statement yesterday.

"We also want to remind everyone that revealing the identities of the victims is a crime under Section 15 of the Child Act and offenders could face a maximum five years' jail or a RM10,000 fine or both if found guilty."

He urged anyone who had information or wanted to make a report to come forward immediately.

The British paedophile was given 22 life sentences by a court in London on Monday for sexually violating 23 children and babies in Malaysia, as well as children in Cambodia, for almost a decade.

Huckle, 30, will be in jail for at least 23 years for the crimes he committed on children aged between six months and 12 years from poor families in Kuala Lumpur.

He pleaded guilty to 71 offences and police found more than 20,000 pornographic images of children in his computer and camera when he was arrested at Gatwick Airport, London, in 2014.

Those who have information can contact the Bukit Aman Sexual Crimes, Domestic Violence and Child Abuse Investigations Division (D11) at 03-2266 6297 or e-mail *d11ba@rmp.gov.my*.

Meanwhile, the Government is calling on children and parents to be more vigilant of what they put online following Huckle's case.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau said the country's cybersecurity specialist centre in CyberSecurity Malaysia would step up its CyberSAFE in School programmes to educate students on how to protect themselves on the Internet.

He said CyberSecurity Malaysia also offered a CyberParenting course for parents to learn how to monitor their children online.

To date, the Royal Malaysian Police, Interpol and the Malaysian Communication and Multimedia Commission have blocked 167 child pornography sites.

CyberSecurity Malaysia chief executive officer Dr Amirudin Abdul Wahab said children who did not privatise their social media accounts became easy targets for sexual predators.

As investigations against Huckle continue, Tangau said the ministry was ready to work with any local or foreign law enforcement agencies to get justice for the victims.

**AKHBAR ONLINE**
**THE SUN DAILY (http://www.thesundaily.my/)**
**TARIKH : 9 JUN 2016 (KHAMIS)**

theSundaily

# Mosti pledges to aid local authorities' investigation into Huckle

**PETALING JAYA**: The **Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti)** has pledged to help local authorities in their investigations into British paedophile Richard Huckle.

Its minister Datuk Seri Madius Tangau said the ministry viewed the matter seriously and was ready to provide technical expertise to help in the investigation, and other similar cases in the future.

"We will provide technical expertise related to cyber safety, especially in the field of cyber forensic, that is provided by CyberSecurity Malaysia to help authorities in their investigations," he said in a statement today.

Huckle was given 22 life sentences by a court in London on Monday for sexually violating 23 children in Malaysia.

He pleaded guilty to 71 offences and police found more than 20,000 pornographic images of children in his computer and camera when he was arrested at Gatwick Airport in London in 2014.

Recently, British media reported that Huckle, a freelance photographer, had abused up to 200 children aged from six months to 12-years-old from 2006 to 2014.

Meanwhile, Madius said the ministry is currently undertaking efforts to educate the public on the importance of cyber security and the use of computers and the internet, including intensifying existing programmes like the CyberSAFE programme in schools.

Similarly, he said parents should also be more alert and monitor their children's activities on the internet.

# KERATAN AKHBAR
# BERITA HARIAN (ISU) : MUKA SURAT 22
# TARIKH : 9 JUN 2016 (KHAMIS)

**Fakta nombor**

**600,000 TAYAR**
baharu dikeluarkan pengilang di negara ini setiap tahun

**1.2 JUTA**
tayar celup dikeluarkan setiap tahun untuk kegunaan kenderaan komersial

**60 KILANG**
tayar celup diiktiraf dengan persijilan SIRIM MS 224

BH PLUS
di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video



***Penggunaan tayar celup** yang tidak berkualiti dan tiada pengiktirafan SIRIM MS 224 antara punca nahas jalan raya di negara ini.*

# 30 peratus tayar celup dalam pasaran tak berkualiti

Persatuan dakwa komponen dikeluarkan kilang tanpa pengiktirafan SIRIM MS 224

**Oleh Ilah Hafiz Aziz**
illahhafiz.aziz@bh.com.my

**Petaling Jaya**

Kira-kira 30 peratus daripada 1.2 juta tayar celup yang diedarkan dalam pasaran tempatan setiap tahun, disifatkan tidak berkualiti kerana dikeluarkan tanpa mematuhi piawaian serta mempunyai pengiktirafan yang sah.

Presiden Persatuan Pengilang Tayar Celup Malaysia (TRMAM), Chin Hon Meng, ketika mendedahkan situasi terbabit, mendakwa tayar itu dikeluarkan kilang tanpa pengiktirafan Malaysian Standard (MS) 224 SIRIM Bhd, seperti diwajibkan sejak November 2007.

Beliau mendakwa, pengedaran tayar celup tidak mematuhi piawaian yang berleluasa itu, menjadi punca banyak kejadian komponen berkenaan pecah hingga serpihannya membahayakan keselamatan pengguna jalan raya di seluruh negara.

"Setiap tahun pengilang di negara ini mengeluarkan kira-kira 600,000 tayar baharu dan 1.2 juta tayar celup untuk kegunaan kenderaan komersial.

"Ketika ini, ada 60 kilang tayar celup diiktiraf dengan persijilan SIRIM MS 224 dan agensi kerajaan seperti Lembaga Getah Malaysia (LGM). Namun, ada kilang yang mengeluarkan sejumlah besar tayar celup tanpa ada sebarang pengiktirafan.

## Mahu jimatkan kos

"Tayar celup yang dikeluarkan oleh kilang ini tidak berkualiti dan gagal mematuhi piawaian keselamatan SIRIM hanya kerana mahu menjimatkan kos," katanya pada sidang media di sini, semalam.

TRMAM tampil membuat pendedahan itu susulan siri laporan *BH* yang mendedahkan tayar celup menjadi punca nahas jalan raya dan pengguna jalan raya menuntut kerajaan mengharamkan penggunaan jenis tayar itu.



"Tayar celup yang berkualiti dan mematuhi piawaian SIRIM MS 224, tidak akan menyebabkan serpihan besar jika meletup"

***Chin Hon Meng,***
*Presiden Persatuan Pengilang Tayar Celup Malaysia (TRMAM)*

Hon Meng mendakwa, tayar celup yang berkualiti dan mematuhi piawaian SIRIM MS 224, tidak akan menyebabkan serpihan besar jika meletup.

"Proses pembuatan tayar celup adalah usaha serius dan memerlukan penyeliaan rapi termasuklah menggunakan getah semula jadi. Pemantauan pihak berwajib juga sering dilakukan, oleh itu, pengilang tidak akan mempersia-siakan pengiktirafan MS 224 yang diberikan.

"Namun, kami tidak menafikan pengurusan yang tidak cekap, keadaan jalan raya yang kurang baik, muatan berlebihan dan pemanduan yang buruk menjadi antara penyebab kegagalan penggunaan tayar di jalanan," katanya.

Mengulas isu penggantian tayar celup dengan tayar import dari China seperti dibangkitkan *BH*, Hon Meng mendakwa, produk terbabit tidak selamat dan tidak bersesuaian untuk digunakan di negara ini.

"Kita akui tayar import dari China murah, tetapi yang menjadi persoalan adalah, apakah bahan yang digunakan untuk pembuatannya. Adakah ia selamat? Lagipun tayar itu tidak boleh dicelup semula, sekali gus membebankan ramai pihak," katanya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (ISU) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 9 JUN 2016 (KHAMIS)

# Pengeluar ada maklumat kilang haram diminta lapor

**Peserta** industri yang mempunyai maklumat mengenai kegiatan pengeluaran tayar celup tidak mematuhi piawaian di negara ini, diminta tampil melaporkan kepada Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk memudahkan pembanterasan.

Jurucakap KPDNKK berkata, tindakan pembanterasan boleh diambil terhadap kegiatan itu mengikut Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Tayar Pneumatik) 2012 di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

"Sebelum ini, KPDNKK sering membuat pemeriksaan berjadual terhadap kilang pengeluaran dan tiada kesalahan serius direkodkan, kecuali perkara yang mempunyai kaitan dengan penandaan sijil SIRIM Malaysia Standard (MS).

**Tiada aduan dibuat**

"Bagaimanapun setakat ini, tiada aduan yang dibuat sama ada daripada pengeluar tayar celup yang diiktiraf atau pengguna jalan raya berhubung kewujudan kilang haram mengeluarkan tayar celup tanpa piawaian," katanya kepada *BH*.

Mengulas pemeriksaan terhadap kilang, jurucakap KPDNKK berkata, penguat kuasa melakukan pemeriksaan berkaitan keselamatan tayar termasuklah sistem cengkaman tayar, kerangka tayar, bunga tayar dan penandaan MS.

"Perkara utama yang harus dititik-beratkan pengilang dalam mengeluarkan tayar celup adalah rangka tayar masih dalam keadaan baik.

"Tayar lama atau kerangka yang diguna semula itu perlu bersesuaian sebelum dipasang bunga tayar yang baharu. Jika tidak produk itu tidak akan melepasi piawaian SIRIM," katanya.

Selain KPDNKK, pihak yang bertanggungjawab terhadap penilaian tayar celup adalah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) iaitu dari segi perundangan kesalahan jalan dan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) yang melakukan pemeriksaan ketebalan tayar.

**info**

**Pengeluaran tayar celup**

- **pengilang perlu mengutamakan** rangka tayar masih dalam keadaan baik
- **penguat kuasa KPDNKK melakukan pemeriksaan berkaitan** keselamatan tayar termasuklah sistem cengkaman tayar, kerangka tayar, bunga tayar dan penandaan MS
- **untuk melepasi piawaian SIRIM,** pengeluar perlu menggunakan semula tayar lama atau kerangka yang bersesuaian sebelum dipasang bunga tayar baharu